

**KEJAYAAN TABUNG UNIT AMANAH
SEBAGAI SATU BENTUK PELABURAN
YANG TERJAMIN MASAKINI**

Shaharis Saad	89405813
Mohd Yaman Ramli	89406045
Mohd Razif Mohd Lazim	89405559
Shukor Sudin @ Rasdan	89404179
Mohd Saleh Ghazali	89402766
Musa Ali	89404744

**DIPLOMA IN BUSINESS STUDIES
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
KAJIAN LUAR KAMPUS
JALAN OTHMAN, PETALING JAYA**

JULAI 1993

SINOPSIS

Kajian ini bertujuan untuk menilai prestasi dan kejayaan Tabung Unit Amanah masa kini, disamping melihat tahap kesedaran, pengetahuan dan penglibatan para pelabur terhadap konsep pelaburan cara ini.

Diharap kajian ini dapat menyumbang dari segi pengetahuan dan panduan kepada para pelabur masa ini dan bakal pelabur serta pihak pengurusan Tabung Unit Amanah.

Bagi mendapatkan maklumat-maklumat untuk menyokong kajian ini, penulis telah memilih responden-responden yang terdiri daripada pelabur-pelabur, syarikat-syarikat yang menguruskan Tabung Unit Amanah dan badan-badan kerajaan yang bertanggungjawab mengawal perjalanan Tabung Unit Amanah di Malaysia.

Kaedah persampel yang digunakan ialah 'non-probability sampling' dimana pemilihan responden dibuat atas dasar 'judgemental'. Kaedah ini sesuai dengan masa, data dan kewangan yang terhad.

Dua bentuk soalan kajiselidik telah direka bagi mengukur dan menilai fakta-fakta yang diperolehi daripada responden-responden yang dipilih (pelabur dan syarikat yang mengurus Tabung Unit Amanah)

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan izin Allah dapat disiapkan kajian ini yang bertajuk "Kejayaan Tabung Unit Amanah Merupakan Satu Bentuk Pelaburan Yang Terjamin Masakini".

Pada kesempatan ini diatitkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Pensyarah "Introduction To Research Methodology" (MGT 364) Puan Faizah Haji Abdul Rahim yang telah memberi tunjuk-ajar dan nasihat yang berguna sehingga kajian ini berjaya disiapkan.

Disamping itu dirakamkan juga setinggi-tinggi ucapan terima kasih diatas kerjasama dan sokongan yang telah diberi oleh Pengurus MBF Unit Trust, Encik Ching Lai Huat, Pengarah Jawatankuasa Terbitan Modal (CIC), Encik Nik Mohd. Affendi bin Mohd. Yusoff dan Pengurus Tabungan Dana Arab-Malaysian Unit Trust, Encik Amir bin Ali.

Juga terima kasih diucapkan kepada mereka-mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan kajian ini.

KANDUNGAN

	Muka Surat
SINOPSIS	i
PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iii
Bab	
1.0 PENGENALAN	
1.1 Latarbelakang kajian	1-1
1.2 Penyata masalah	1-4
1.3 Objektif Kajian	1-7
1.4 Hipotesis	1-8
1.5 Skop kajian	1-10
1.6 Definasi terma	1-11
1.7 Andaian	1-14
1.8 Batasan	1-16
2.0 ULASAN BAHAN	
2.1 Tabung Unit Amanah Sentiasa Berkembang	2-1
2.2 Prestasi Tabung Unit Amanah Masa Kini	2-4
2.3 Kenapa Membeli Saham Unit Amanah	2-8
2.4 Kelebihan Melabur Dalam Tabung Unit Amanah	2-11
2.5 Tabung Unit Amanah mempunyai Masa Depan Yang Cerah	2-15
2.6 Tabung Unit Amanah Perlukan Sokongan dan Insentif	2-22
3.0 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Teknik Pengumpulan Data	3-1
3.2 Kaedah Persampelan	3-5
3.3 Rekabentuk borang kajiselidik	3-7
3.4 Pra Ujian Kajiselidik	3-9

NOTA

BIBLIOGRAFI

APPENDIK

1.0 PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

"Unit Trust" atau dalam bahasa Melayunya dikenali sebagai Unit Amanah adalah merupakan satu bentuk pelaburan yang agak baru diperkenalkan di Malaysia berbanding dengan negara-negara lain. Sebagai contoh sumbangan Tabung Amanah dalam pasaran modal negara Thai telah mencapai angka 16%, India 25%, Australia 40%, manakala Amerika Syarikat pula sebanyak 48% sumbangan modalnya adalah dari Tabung Unit Amanah¹.

Konsep Unit Amanah ini mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1959. Walaupun sumbangannya kepada pasaran modal negara masih kecil, namun ianya menampakkan satu pertumbuhan yang sangat menggalakkan. Sejak kebelakangan ini peranan unit Amanah telah mula mendapat perhatian para pelabur dengan wujudnya berbagai produk yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat yang menguruskan Tabung Unit Amanah ini. Disamping itu bilangan syarikat-syarikat yang menguruskan Tabung Unit Amanah ini juga telah bertambah dari masa kesemasa. Pertumbuhan ini secara langsung telah meningkatkan kumpulan modal yang disumbangkan oleh Tabung Unit Amanah dalam ekonomi negara.